

BAB V

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN :

Merujuk kepada semua perbincangan dalam bab-bab yang lepas ; latar belakang kajian ini ialah yang memberi fokus kepada situasi pelajar dalam mengejar kecemerlangan. justeru kerana ruang lingkup pelajar akan sentiasa berhadapan dengan prestasi turun naik dalam pelajarannya.

Menurut perspektif Islam, nilai kecemerlangan tidak hanya dilihat kepada prestasi akademik semata-mata tetapi adalah yang dijana bersekali dengan pembangunan nilai diri secara keseluruhannya. Oleh itu, idea “pembinaan motivasi” tidak dapat dinafikan merupakan jalan penyelesaian singkat yang masih relevan untuk dipraktikkan. Namun, tumpuan motivasi seharusnya kepada motivasi dakwah atas hasrat untuk membangunkan nilai-nilai kemanusiaannya secara menyeluruh.

Respon daripada permasalahan di atas, maka pembinaan objektif kajian difokuskan terus kepada usaha-usaha memotivasi pelajar yang dianjurkan oleh UiTM Cawangan Perak melalui Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar (KKDP). Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti elemen-elemen motivasi dakwah dalam program tersebut, sejauh mana peranan yang dimainkan, contoh dan paparannya secara praktikal dan akhirnya sejauh mana relevannya dalam konteks pembinaan motivasi masa kini.

Metode yang diguna pakai dalam kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan soal selidik yang melibatkan 123 orang pelajar (mewakili 60%) populasi yang terlibat dengan program KKDP dan juga melalui kaedah triangulasi yang terdiri daripada metode temubual, observasi dan dokumentasi.

5.2 RUMUSAN HASIL KAJIAN KESELURUHAN :

Beberapa catatan yang boleh diperbincangkan yang berkisar sekitar kajian yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

Secara umumnya, perbincangan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan motivasi. Pemilihan item ini kerana ia merupakan sebahagian daripada perkara-perkara yang perlu sentiasa diambil kira oleh setiap individu (khususnya para pelajar) di samping elemen-elemen utama yang lain seperti rohani, akal, jasmani, personaliti, emosi, akhlak, sosial, sikap dan juga tindakan demi mendapatkan nilai kesempurnaan hidup.

Tumpuan dalam motivasi ini pula adalah yang didasarkan kepada pendekatan dakwah (Islam). Oleh itu, gambaran model motivasi dakwah ialah yang mencakupi semua bentuk dorongan (intrinsik dan ekstrinsik) bagi diri seseorang berpunca daripada suatu keperluan atau pun matlamat hidup. Dorongan tersebut ibarat satu sumber tenaga yang melahirkan kuasa bagi menggerakkan keupayaan seseorang untuk berfikir, bercakap, melakukan suatu tugas atau kerja. Namun semua proses tersebut dilakukan atas dasar beriman kepada Allah.

Tumpuan kajian seterusnya ialah untuk mengenal pasti sejauh mana kewujudan elemen motivasi dakwah tersebut di dalam program KKDP. Soal selidik melalui 123 responden mendapati nilai motivasi dakwah yang dikenal pasti dalam program tersebut berada di dalam kategori positif (78.56%) dan memuaskan berdasarkan kepada bilangan responden yang menjawab “Ya” bagi item-item yang tergolong dalam kategori motivasi intrinsik dan ekstrinsik.

Oleh itu, kajian ini telah mengambil satu ketetapan untuk memberikan jawapan kepada soalan kajian bahawa motivasi dakwah sebenarnya boleh diaplakisikan di dalam kehidupan para pelajar lebih-lebih lagi bagi pelajar UiTM Cawangan Perak yang terdiri daripada 99% pelajar bumiputera muslim dan seterusnya motivasi dakwah ini juga masih tetap dianggap relevan nilainya untuk diaplakisikan pada bila-bila masa dan di mana juar.

Kajian ini juga telah menerima satu penegasan dalam prinsip motivasi iaitu “ Setiap manusia mempunyai potensi untuk dimotivaskan ”. Penerimaan ini berasaskan kepada sifat fitrah dalam tuntutan biologi manusia itu sendiri yang memang mengalami perubahan pada setiap masa sama ada berubah kepada positif atau pun negatif, namun intensiti perubahan tersebut dibatasi oleh tahap perkembangan motivasi yang ada dalam diri mereka. Oleh itu, manusia yang mengenali kekuatan (*strength*) dan kelemahan (*weaknesses*) sebenar dirinya mampu untuk mencapai sesuatu kecemerlangan.

Kajian ini juga menerima penegasan bahawa sebahagian besar potensi manusia berada dalam dirinya sendiri, ini bererti manusia memiliki kunci pembuka pintu kecemerlangan. Pembinaan potensi manusia pula perlu difokuskan kepada lima kesihatan (rohani, jasmani, akal, emosi dan sosial). Potensi kecemerlangan hanya akan dicapai apabila manusia itu mampu mengawal “unsur haiwan” dan menyuburkannya dengan “unsur manusia”, seterusnya membuat pengisian nilai intelek untuk meraih status takwa di sisi Allah.

Merujuk kepada para *motivator* pula, mereka perlu bijak mencari titik mula (*starting-point*) dalam menyuntik idea serta membantu mengurus keperluan dalaman mereka yang ingin dimotivaskan mengikut acuan yang sepatutnya. Justifikasi kepada penegasan ini kerana ramai daripada kalangan tokoh-tokoh motivasi masa kini telah mengalihkan tumpuannya kepada elemen dalaman dan Islam telah lama mengaplikasikan pendekatan ini dalam sesi pentarbiahannya.

Seterusnya, dalam membicarakan tentang pendekatan Islam mengenai teori keperluan dan dorongan, kajian ini tidak terus menafikan teori “hierarki keperluan Maslow” (iaitu keperluan fisiologi, keselamatan, sosial, penghargaan dan kekuasaan) secara melulu atau seratus peratus seperti yang dilakukan oleh teori “hierarki Naim Nüsair”.¹ Hujah kajian ini ialah kerana Ziauddin² telah menerima pandangan Maslow tetapi dengan memasukkan item *spiritual needs* dan *material needs* yang boleh diaplikasikan secara *complementary*, demikian

¹ Sila lihat *footnote* 178, dlm. bab 2, h. 74

² Sila lihat *footnote* 185, dlm. bab 2, h. 75

juga bagi Najātī³ yang telah berjaya mengaplikasikan teori di atas secara *flexible* dalam konteks yang lebih luas, ia termasuk dorongan fisiologi, dorongan jiwa dan kerohanian, dorongan beragama, dorongan untuk hidup dan juga dorongan untuk memiliki. Walaupun dalam konteks ini Najātī menggunakan perkataan “dorongan” dan bukannya “keperluan”, namun semua hujah dan bukti yang disandarkan kepada al-Quran dan hadis berlegar pada isu yang menunjukkan kecenderungan ke arah motivasi dakwah, oleh itu kajian ini menganggap ia sebahagian daripada konsep keperluan dalam motivasi dakwah.

Merujuk kepada dapatan dalam bab empat berkaitan elemen-elemen motivasi dakwah dalam program KKDP, kajian ini melihat trend atau arah aliran responden adalah difokuskan kepada elemen yang dapat membina kekuatan dalaman⁴ umpamanya elemen kerohanian seperti usaha membina niat, membetulkan hati dan memantapkan keyakinan (84.6%), membina nilai takwa (78%), berdoa (75.6%), bercita-cita dan sebagainya. Dapatan di atas lebih mencerminkan dorongan keyakinan responden terhadap nilai-nilai dalam motivasi dakwah itu sendiri. Malah menurut Huntington Learning Center⁵ dan ramai lagi dari kalangan tokoh-tokoh motivasi masa kini mereka sependapat mengatakan pendekatan motivasi dalaman mampu bertahan lebih lama (*longer lasting*) berbanding motivasi berbentuk luaran yang sering memerlukan elemen-elemen ulangan sebagai jalan peneguhannya.

Dari sudut yang lain pula, jika merujuk kepada kajian tentang elemen kesedaran membaca dikalangan pelajar, sifat *willingness* dan berdoa untuk sesuatu perubahan telah mendapat skor 75.6%, demikian juga yang berkaitan dengan elemen kendiri dengan pencapaian 87.8%. Dapat difahami, sekitar 80% elemen dorongan telah pun wujud dalam diri pelajar untuk meraih kecemerlangannya dan ini bertepatan dengan keyakinan Bolduc⁶ yang menyatakan sekitar 80% kejayaan seseorang bergantung kepada dorongan motivasinya.

³ Sila rujuk Muhammad ‘Uthman Najātī, Dr. (1989), *op. cit.*, h. 19 - 38

⁴ Sila lihat dalam bab 4, Jadual 4.7, h. 146

⁵ Sila lihat *footnote* 49 dlm. bab 2, h. 29

⁶ Sila lihat dalam bab 2, h. 74

Akhirnya, kajian ini menyimpulkan bahawa semua hasil dapatan yang telah dilakukan melalui semua kaedah cerapan berada di dalam kategori positif atau dengan perkataan lain ia berada dalam situasi yang menggalakkan.

Oleh itu, kajian ini telah mengambil satu ketetapan untuk memberikan jawapan kepada soalan kajian bahawa motivasi dakwah sebenarnya boleh diaplikasikan di dalam kehidupan para pelajar lebih-lebih lagi bagi pelajar UiTM Cawangan Perak yang terdiri daripada 99% pelajar bumiputera muslim dan seterusnya motivasi dakwah ini juga masih tetap dianggap relevan nilainya untuk diaplikasikan pada bila-bila masa dan di mana jua.

5.3 IMPLIKASI KAJIAN :

Dalam bahagian ini tumpuan akan ditujukan kepada beberapa perkara seperti berikut :

Jenis penyelidikan bagi disertasi ini agak mendekati ke arah kajian “pembentukan teori” iaitu teori mengenai motivasi dakwah. Oleh itu, banyak masa diperlukan untuk mencari pelbagai pengertian mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengannya, mencari landasan teori, membina konsep, mengkaji falsafah, membentuk paradigma, membina hubungan di antara semua unsur yang ada dan sebagainya sehingga kajian ini benar-benar dapat menyimpulkan suatu natijah yang diyakini serta dapat memberi kepuasan hati.

Melalui kepastian dan keyakinan terhadap gagasan ini, maka kajian ini mencadangkan agar konsep motivasi dakwah ini dapat dijadikan sebagai asas bagi modul program motivasi dakwah dengan disesuaikan mengikut tahap dan peringkat umur.

Kajian terhadap gagasan ini juga dianggap penting untuk mengumpul seberapa banyak maklumat dan fakta yang berkaitan dengan motivasi dakwah agar dapat dimanfaatkan oleh pihak pengurusan UiTM di seluruh kampus khususnya di UiTM Cawangan Perak bagi membantu usaha-usaha membina kecemerlangan diri para pelajarnya.

5.4 KAJIAN LANJUTAN :

Merujuk kepada idea untuk kajian lanjutan disarankan dengan mewujudkan nilai kebarangkalian untuk menjadikan motivasi dakwah (motivasi Islam) sebagai satu ilmu baru yang mampu berdiri sendiri, yang mempunyai paradigma, asas dan falsafahnya yang tersendiri, yang mempunyai prinsip, metode, ciri-ciri, pendekatan, elemen dan sebagainya secara yang tidak tersasar daripada landasan Islam. Semua gagasan di atas perlu mendapat pengesahan dan kerjasama daripada para ilmuwan Islam untuk sampai kepada realiti yang dicita-citakan.

5.5 KESIMPULAN KAJIAN :

Beberapa perkara utama yang dijadikan sebagai kesimpulan kajian ialah :

“Motivasi” dan “kehidupan manusia” adalah suatu yang tidak boleh dipisahkan kerana setiap manusia mempunyai keperluan dan di dalam setiap keperluan pula tersirat pelbagai elemen dorongan. Dapat difahami, motivasi tetap wujud di setiap celah kehidupan manusia, namun yang membezakannya ialah sama ada pendekatannya *Islamic* (bersifat Islam) atau pun yang konvensional, sama ada nilainya berkualiti atau sebaliknya, sama ada rangsangannya baru sahaja bermula atau ia sedang berakhir dan seumpamanya lagi.

Item utama yang membezakan di antara motivasi konvensional dengan motivasi dakwah ialah dari sudut pendekatan falsafahnya yang meletakkan Allah sebagai kuasa mutlak bagi semua aktiviti kehidupan manusia, berbanding motivasi kenvensional yang telah menafikan peranan Allah sebagai Pencipta. Mengiktiraf Allah sebagai Pencipta bererti menerima takdir Allah namun usaha dan motivasi tetap diteruskan selama mana peluang dan ruang terbentang di hadapan mata.

Hasil dapatan yang melibatkan pembolehubah elemen motivasi dakwah yang terdapat dalam program KKDP dipaparkan melalui prestasi positif dan memuaskan yang ditunjukkan oleh semua item yang dikaji iaitu pencapaiannya berada antara 52.8% bagi paras nilai yang paling rendah hingga kepada 88.6% bagi paras nilai yang paling tinggi dan jumlah keseluruhannya pula sebanyak

78.56%. Dapatan ini menggambarkan sekitar **78.56%** responden telah mengakui wujudnya elemen motivasi dakwah dalam program tersebut.

Dapatan lain yang merujuk kepada pembolehubah relevansinya motivasi dakwah agar dapat diimplementasikan dalam program-program motivasi pada masa kini dan juga akan datang telah mendapat peratusan nilai yang amat memuaskan iaitu sebanyak **89.47%**.

Dapatan yang berkaitan dengan pembolehubah peranan yang boleh dimainkan oleh motivasi dakwah pula telah mendapat peratusan nilai yang juga memuaskan walaupun dalam tahap yang minima iaitu **65.83%**.

Manakala yang merujuk kepada pembolehubah sumbangannya dari sudut praktikal pula, ia dilihat agak kurang menyerlah berbanding pendekatan teori iaitu sekadar mencapai **53.13%** sahaja. Ertinya, elemen motivasi dakwah yang secara teorinya dianggap oleh semua pelajar sebagai amat relevan namun dari sudut praktiknya jelas memperlihatkan kedaifannya.

Usaha-usaha mengkategorikan motivasi dakwah kepada pendekatan secara intrinsik dan juga ekstrinsik adalah kerana metode untuk memotivasi para pelajar sememangnya hanya merujuk kepada dua kategori tersebut dan yang dikatakan pelajar cemerlang ialah apabila pelajar tersebut mampu mengeksplorasi kedua-dua kategori tersebut.

Walaupun tumpuan motivasi dakwah lebih kepada elemen intrinsik, namun bukan semua manusia boleh dimotivasi melalui pendekatan yang serupa. Al-Quran dan hadis banyak memaparkan contoh pendekatan dalam menyuntik rangsangan memotivasi manusia. Namun jaminan kecemerlangan adalah seperti mafhum yang tersirat daripada pengakuan Nabi s.a.w. ertinya manusia tidak akan sesat selama ia berpegang kepada Kitab Allah dan sunnah rasul-Nya.

Dalam konteks persepsi antara dakwah dengan motivasi, jelas menunjukkan bahawa dalam dakwah telah sedia wujud elemen-elemen motivasi tetapi tidak semestinya dalam motivasi wujud elemen-elemen dakwah.